

Guru berpolitik punca pelajar abai agama

UM 22 JUL 2001

KUALA LUMPUR 21 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad khawatir keasyikan guru-guru agama berpolitik menyebabkan pelajaran tidak dapat disampaikan secara berkesan sehingga pelajar dengan mudah mengetepikan agama.

Perdana Menteri percaya apabila ini berlaku, pelajar tidak mempunyai asas cukup untuk menangkis pengaruh negatif sehingga sanggup menukar agama atau terpengaruh dengan kumpulan penyembah syaitan seperti *Black Metal*.

“Saya tak suka memperkatakan hal ini tetapi kalau guru-guru agama lebih menumpukan kepada politik dan menimbulkan kebencian kepada kerajaan, tidak mengajar agama Islam, maka (pelajar) tidak akan mempunyai asas agama tetapi asas benci kepada orang dan benci *establishment*.”

“Kalau kita ajar kanak-kanak benci *establishment*

saya tidak hairanlah kalau mereka benci kepada agama,” katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan model terbaru kereta nasional, Proton Juara di sini hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas perkembangan pengaruh *Black Metal* terutama di kalangan pelajar Melayu yang dibongkarkan sejak kebelakangan ini.

Menurut Dr. Mahathir, sejak merdeka kerajaan telah mengadakan pelajaran agama di sekolah kerana percaya dengannya orang Islam khususnya pelajar Islam tidak mudah mengetepikan agama.

Bagaimanapun, beliau kesal kerana kecenderungan guru-guru agama menanamkan asas kebencian kepada kerajaan mungkin menjadi punca ajaran agama yang disampaikan tidak berkesan.

Ditanya kenapa Jabatan Pendidikan lambat mengesan kegiatan pelajar

yang menjadi pengikut kumpulan memuja syaitan, *Black Metal*, Perdana Menteri mengakui kadang-kadang perkara seperti itu terlepas daripada pandangan jabatan tersebut kerana ia lebih memberi perhatian kepada aspek pelajaran.

“Kadang-kadang benda ini kita tak nampak. Jabatan Pendidikan tengok pelajaran sahaja tak tengok apa pelajar buat,” katanya.

Bagaimanapun Dr. Mahathir percaya masalah itu mendapat perhatian sewajarnya daripada Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman yang bertanggungjawab terhadap masalah sosial dalam negara.

“Ini lebih kepada masalah sosial daripada pendidikan dan menteri yang bertanggungjawab iaitu Siti Zaharah, dia yang fokus kepada masalah ini,” katanya.